



TUKAR DOKUMEN...Dahlan (kiri) bersama Mohamad (kanan) bersalaman sebagai simbolik bertukar dokumen yang ditandatangani kelmarin.

UMS anjur sambutan Hari Kerja Sosial

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia serentak dengan hari sambutan 20 Mac yang diraikan sebagai Hari Kerja Sosial Sedunia.

Usaha Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) dalam menyampaikan mesej kerja sosial kepada komuniti diteruskan dengan inisiatif sambutan yang diadakan kelmarin.

Dekan, Prof. Dr Mohd Dahlan A Malek berkata tema sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2018 adalah 'Mempromosikan Komuniti dan Kelestarian Alam'.

Katanya, tema tersebut amat bersesuaian dengan peranan pekerja sosial yang menyumbang kepada pembangunan komuniti.

"Tema kali ini berfokus kepada peranan pekerja sosial untuk terus menyumbang ke arah mempromosikan pembangunan komuniti dan alam sekitar secara berterusan.

"Tema ini juga mempunyai gabungan kesinambungan tema global tahun lalu," katanya.

Beliau berucap demikian ketika hadi merasmikan

Majlis Penutupan Hari Kerja Sosial Sedunia 2018 di Auditorium FPP, kelmarin.

Program yang berlangsung selama dua hari itu melibatkan penyertaan daripada pelajar FPP dan barisan ahli akademik.

Antara pengisian program tersebut adalah sesi ceramah motivasi, bengkel bahasa isyarat dan jelajah UMS.

Menurut Dahlan, mahasiswa wajar mengambil peluang untuk melibatkan diri dengan program motivasi.

"Pelajar perlu ambil peluang sedia ada untuk menyertai program seumpama ini dengan semangat untuk meningkatkan motivasi dan mempamerkan tingkah laku yang baik sebagaimana yang dituntut sebagai seorang pekerja sosial profesional," katanya.

Dalam pada itu, turut berlangsung majlis Menandatangani Surat Hasrat antara FPP yang diwakili oleh Dahlan dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKA) yang diwakili oleh Pengarah, Mohd Mohamad Noor Wahab.-**OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**